

# Pakar cadang pengecualian cukai elak pemilik terbeban

**PETALING JAYA** – Penggunaan Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) dikhuatiri hanya memberi implikasi kecil berikutan kebanyakan kemalangan melibatkan motosikal adalah disebabkan pelanggaran daripada kenderaan lain.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Law Teik Hua bagaimanapun mengakui ujian makmal berhubung penggunaan ABS menunjukkan kesan signifikan dalam menangani kemalangan.

“Kita perlu lihat situasi sebenar di Malaysia, kebanyakan nahas motosikal bukan disebabkan melanggar, tapi dilanggar. Tidak seperti kereta. ABS menunjukkan keputusan baik dalam menangani kemalangan sebab kereta boleh berhenti dalam tempoh dan jarak yang singkat.

“Bagi motosikal, saya berpan-



**RATA-RATA** pengguna motosikal terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. – GAMBAR HIASAN

dangan ia hanya beri kesan ‘marginal’ (kecil),” katanya.

Teik Hua berkata, penggunaan sistem ABS dijangka memberi kesan ekonomi memandangkan kebanyakan pengguna motosikal

daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

“Kerajaan perlu teliti perkara ini antaranya pengecualian cukai. Ini kerana, jika terlibat kemalangan, mereka perlu ganti ABS ba-

haru. Bila dah jadi polisi dan jika motosikal tiada ABS, mereka dianggap melakukan kesalahan. Ia berbeza jika ia program,” ujarinya.

Jelasnya, bagi menggalakkan penggunaan ABS, kerajaan perlu memberi pendedahan tentang fungsi dan kepentingannya.

“Inisiatif ini bagus cuma kita tak mahu penunggang salah faham dan berasa dilindungi. Jadi, pihak berkaitan perlu beri advokasi dan maklumat tentang ABS kepada pengguna,” katanya.

Selain ABS, perkara paling penting untuk menangani kemalangan adalah meningkatkan keterlihatan penunggang motosikal. Secara amnya, tiada nahas berlaku disebabkan *criminal intention* (niat jenayah) atau sengaja melanggar kenderaan lain.

Sementara itu, Penyelidik Utama di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Pusat Pemandu-

an Bijak, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Prof. Madya Dr. Munzilah Md. Rohani berkata, penggunaan ABS berupaya mengurangkan risiko kemalangan.

“Ini berikutan ABS bukan sahaja membantu kawalan pemanduan, malah meningkatkan kestabilan motosikal. Banyak manfaat ABS ia mengurangkan jarak untuk berhenti dan risiko tergelincir. Sistem ini juga dapat tambah jangka hayat tayar dan komponen brek,” katanya.

Dr. Munzilah berkata, faktor utama kemalangan adalah disebabkan sikap manusia diikuti kenderaan dan alam sekitar.

“Jika teknologi canggih tapi kita tidak pandu dengan tertib, ia akan mendedahkan diri kepada risiko kemalangan. Justeru, mesti ada sikap bertimbang rasa, patuh peraturan dan waspada dengan persekitaran,” tambahnya.